

27 AUG 2002

PULAU PINANG-PERINDUSTRIAN/I

PULAU PINANG CAPAI PERTUMBUHAN PANTAS PERINDUSTRIAN KEDUA PADA 2010,
KATA PAKAR-PAKAR

PULAU PINANG, 27 Ogos (Bernama) -- Pulau Pinang dijangka mencapai pertumbuhan pantas perindustrian keduanya untuk menjadi satu daripada negeri perindustrian paling kompetitif di negara ini, menjelang tahun 2010.

Penulis dan penyelidik pengurusan antarabangsa William H. Davidson berkata pelabur-pelabur antarabangsa yakin kerajaan negeri Pulau Pinang mampu mengatasi segala kesulitan yang dihadapi dengan kedatangan globalisasi.

"Ketika ini merupakan satu tempoh yang sangat mencabar tetapi Pulau Pinang berjaya menangani kesukaran tersebut dengan jayanya," katanya kepada pemberita selepas membentangkan kertas kerjanya bertajuk "Strategi Bagi Pertumbuhan Pantas Kedua Pulau Pinang" di seminar mengenai "Berkembang Bersama Pulau Pinang", di sini, hari ini.

Beliau berkata Pulau Pinang telahpun mengambil langkah-langkah bagi program khusus untuk pembangunan perindustrian seperti menubuhkan prasarana telekomunikasi dan platform e-dagang.

Davidson juga mencadangkan beberapa langkah bagi Pulau Pinang untuk mengukuhkan strategi perindustriannya termasuk menghubungkan negeri ini ke pusat kegiatan lain dan menonjolkan kemahiran tenaga buruhnya.

Sementara itu, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata kerjasama antara industri-industri dan universiti di Pulau Pinang akan meningkatkan lagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta keupayaan reka bentuk negeri.

Pusat Penyelidikan Usaha Sama (CRC) yang ditubuhkan baru-baru ini bertujuan menggalakkan kerjasamasa dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan bioteknologi.

"Ia juga boleh dicapai menerusi sinergi antara perbadanan transnasional (TNC), Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC)," kata Dr Koh ketika menyampaikan ucapan tamanya.

Beliau berkata meskipun mencatatkan kejayaan manis dalam pertumbuhan perindustrian sejak 30 tahun lalu, Pulau Pinang perlu mengukuhkan lagi industrinya dengan menggabungkan bahagian khususnya dan meneroka bahagian baru.

Bahagian khususnya ketika ini merupakan pembuatan perintis dan mewah, reka bentuk ICT, wayarles dan peranti mudah alih serta pusat panggilan manakala bahagian khusus baru adalah potonik, aplikasi perisian, bio-informatik dan bioteknologi marin.

Dr Koh berkata Pulau Pinang juga akan meningkatkan produktiviti, kepelbagaian dan sumber tenaga kerjanya.

Matlamat ini boleh dicapai dengan meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris dalam tenaga kerja teknikal bagi pindahan teknologi tepat masa serta mengawal keupayaan pelbagai bahasa dan hubungan pelbagai budaya negeri itu.

Seminar itu dianjurkan oleh kerajaan negeri bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-30 industri elektronik di Pulau Pinang.

Kira-kira 700 orang menghadiri seminar itu yang disusuli kemudiannya dengan Majlis Makan Tengah Hari Pengiktirafan Negeri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyampaikan ucapan tamanya. -- BERNAMA

AZE SA ZP SD ZK